

Oleh Sahlina Sahkirin  
bhnews@bharian.com.my

# Hakisan dekat rumah

## Penduduk Kampung Pulau Tinggi minta segera bina benteng

**P**ULAU TINGGI: Lapan keluarga di Tanjung Balang, dekat sini, kini resah dan bimbang berikutan kawasan pesisiran rumah mereka mengalami hakisan teruk sejak tiga tahun lalu.

Hakisan tepi pantai akibat ombak besar pada musim tengkujuh itu mengakibatkan hakisan teruk di kawasan tepi pantai pulau berkenaan yang boleh mengancam nyawa dan harta benda penduduk terbabit.

Sehubungan itu, penduduk terbabit mengesakan pihak berkuasa melakukan sesuatu dengan segera sebelum berlaku kejadian tidak diingini di kawasan berkenaan, termasuk rumah penduduk dihanyutkan ombak pada musim tengkujuh yang dijangka melanda daerah itu tidak lama lagi.

Seorang penduduk, Shahrudin Ibrahim, 53, berkata dia bimbang jika masalah itu tidak diatasi segera kerana boleh mengancam keselamatan nyawa penduduk.

Katanya, dia yang mempunyai seorang anak Orang Kurang Upaya (OKU) sukar untuk bergerak, termasuk jika perlu berpindah ke tempat lain.

"Hakisan yang melanda kawasan berkenaan semakin bertambah teruk kebelakangan ini dan jika masalah itu tidak diatasi segera, ia dikhuatiri menjadi bertambah serius," katanya.

Ketua Kampung Pulau Tinggi, Rahaman Ali, 53, berkata kejadian hakisan berlaku hampir 1.5 meter setahun hingga menyebabkan ia semakin menghampiri kawasan penempatan penduduk.

Katanya, masalah itu sudah dilaporkan kepada pihak berwajib sejak beberapa bu-



RAHAMAN menunjukkan hakisan di Kampung Pulau Tinggi.

lan lalu tetapi tiada usaha dibuat bagi mengatasinya.

"Saya harap pihak berkenaan mengambil tindakan segera untuk mengatasi masalah hakisan ini kerana ia boleh mengancam nyawa penduduk di sini.

"Ada lapan rumah terbabit dengan masalah itu. Mereka pernah melahirkan rasa bimbang dan takut terjadi perkara tidak diingini. Semua penduduk enggan berpindah

**“**Saya harap pihak berkenaan mengambil tindakan segera mengatasi masalah hakisan ini kerana ia boleh mengancam nyawa penduduk di sini”

**Rahaman Ali**  
Ketua Kampung Pulau Tinggi

kerana kawasan berkenaan amat menarik untuk didiami,” katanya.

Rahaman berkata, daripada jumlah itu sebuah daripada rumah penduduk di situ turut terancam dengan hakisan pantai yang paling hampir dengan rumah berkenaan.

"Saya cadangkan pihak berkaitan membuat benteng atau tembok penghalang hakisan," katanya.

Beliau berkata, sebelum ini sebahagian besar pantai di kampung berkenaan sudah dibina tembok, cuma tinggal di bahagian hujung kampung saja belum dibina tembok penghadang.

Sehubungan itu, beliau meminta pihak berkenaan mempercepat pembinaan berkenaan bagi mengelakkan kejadian buruk menimpa sebelum kedatangan musim tengkujuh tidak lama lagi.